



**PERTUBUHAN ORANG CACAT PENGLIHATAN MALAYSIA
(SOCIETY OF THE BLIND IN MALAYSIA)**

No Pendaftaran: PPM-004-14-25031964 No Rujukan: LHDN 01/35/42/51/179-6.1874
No 24, Jalan Tun Sambanthan 3, 50470 Kuala Lumpur Peti Surat 11155, 50736 Kuala Lumpur
No. Tel: 03-22746162 No. Fax: 03-22743818 Website: www.sbm.org.my

**LAPORAN RINGKAS
TINJAUAN HALANGAN AKSESIBILITI
DALAM KALANGAN AHLI-AHLI BIASA & SEUMUR HIDUP
PERTUBUHAN ORANG CACAT PENGLIHATAN MALAYSIA**

PENGENALAN

Bersempena sambutan Hari Tongkat Putih 2025, Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia (SBM), menerusi Jawatankuasa Utama Komunikasi, Advokasi dan Hak Asasi melaksanakan tinjauan halangan aksesibiliti dalam kalangan Ahli-Ahli Biasa dan Ahli-Ahli Seumur Hidup SBM. Tinjauan tersebut berlangsung antara 2 September 2025 sehingga 28 September 2025.

Tinjauan tersebut adalah langkah awal SBM untuk mengumpul bukti-bukti demi mendedahkan jurang aksesibiliti dan pembangunan terangkum yang wujud antara wilayah, negeri, serta daerah di Malaysia. Walaupun SBM hanya mengumpulkan maklumat berkaitan halangan-halangan aksesibiliti yang dihadapi oleh Ahli-Ahli SBM secara umum, SBM percaya dapatan yang telah dikumpulkan berupaya memberikan isyarat-isyarat awal tentang jurang aksesibiliti dan pembangunan terangkum, di samping menjadi titik permulaan kepada aktiviti-aktiviti penyelidikan, pembangunan komuniti serta advokasi strategik berkaitan aksesibiliti dan pembangunan terangkum pada masa hadapan.

DEMOGRAFI PESERTA

Seramai 357 orang Ahli SBM mengambil bahagian dalam tinjauan tersebut. Mereka terdiri daripada 218 orang lelaki (61.06%) dan 139 orang wanita (38.94%) dari seluruh Malaysia.

Jantina	Jumlah (%)
Lelaki	218 (61.06%)
Wanita	139 (38.94%)

Jadual 1.1: Jumlah Peserta Berdasarkan Jantina

Peserta juga terdiri daripada pelbagai kumpulan usia, dengan kumpulan usia tertinggi adalah 31-40 tahun, iaitu seramai 92 orang (25.77%).

Kumpulan Umur	Jumlah (%)
20 tahun dan ke bawah	2 (0.56%)
21 tahun - 30 tahun	35 (9.80%)
31 tahun - 40 tahun	92 (25.77%)
41 tahun - 50 tahun	70 (19.61%)
51 tahun - 60 tahun	67 (18.77%)
61 tahun - 70 tahun	69 (19.33%)
71 tahun dan ke atas	22 (6.16%)

Jadual 1.2: Jumlah Peserta Berdasarkan Kumpulan Umur

Seramai 212 orang peserta banciaan (59.38%) mengidentifikasi diri mereka sebagai “buta”, manakala baki 145 orang (40.62%) menyatakan diri mereka sebagai “berpenglihatan terhad”.

Sub-Kategori	Jumlah (%)
Buta	212 (59.38%)
Berpenglihatan terhad	145 (40.62%)

Jadual 1.3: Jumlah Peserta Berdasarkan Sub-Kategori OKU Penglihatan

Tinjauan tersebut juga berjaya mengumpulkan maklum balas dari setiap negeri, di samping dua Wilayah Persekutuan, iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Jumlah peserta tertinggi adalah dari Pahang, iaitu seramai 75 orang (21.01%) dan negeri kedua tertinggi ialah Sabah, iaitu seramai 52 orang (14.57%).

Negeri	Jumlah (%)
Johor	31 (8.68%)
Kedah	7 (1.96%)
Kelantan	26 (7.28%)
Melaka	20 (5.60%)
Negeri Sembilan	17 (4.76%)
Pahang	75 (21.01%)
Perak	38 (10.64%)

Perlis	1 (0.285%)
Pulau Pinang	6 (1.68%)
Sabah	52 (14.57%)
Sarawak	37 (10.36%)
Selangor	12 (3.36%)
Terengganu	13 (3.64%)
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	21 (5.88%)
Wilayah Persekutuan Labuan	0 (0%)

Jadual 1.4: Jumlah Peserta Berdasarkan Negeri Tempat Tinggal

Selain itu, 169 orang peserta bancia (47.34%) tinggal di kawasan bandar dan kumpulan kedua terbesar adalah mereka yang tinggal di kawasan luar bandar, iaitu seramai 101 orang (28.29%).

Jenis Kawasan Tempat Tinggal	Jumlah (%)
Bandar	169 (47.34%)
Pinggir bandar	87 (24.37%)
Luar bandar	101 (28.29%)

Jadual 1.5: Jumlah Peserta Berdasarkan Jenis Kawasan Tempat Tinggal

Majoriti peserta tinjauan adalah bekerja, iaitu seramai 232 orang (65%). Latar belakang pekerjaan mereka juga pelbagai, iaitu sektor awam, swasta, badan bukan kerajaan, bekerja sendiri dan berniaga. Majoriti dalam kalangan mereka yang bekerja adalah mereka yang bekerja sendiri, iaitu seramai 132 (37%).

Jenis Pekerjaan	Jumlah (%)
Bekerja dalam sektor awam	24 (6.72%)
Bekerja dalam sektor swasta	32 (8.96%)
Bekerja di badan bukan kerajaan	13 (3.64%)
Bekerja sendiri	132 (37%)
Menjalankan perniagaan sendiri	31 (8.69%)
Pelajar	4 (1.12%)
Bersara	31 (8.69%)
Tidak bekerja	90 (25.21%)

Jadual 1.6: Jumlah Peserta Berdasarkan Jenis Pekerjaan

DAPATAN KESELURUHAN

SBM mengumpulkan maklum balas daripada para peserta tentang halangan aksesibiliti yang mereka hadapi di tiga jenis lokasi; kawasan tempat tinggal, tempat kerja, dan sekitar Bangunan Cawangan/Kawasan SBM. Jadual 2.1 sehingga Jadual 2.3 di bawah memaparkan maklum balas para peserta tentang halangan-halangan aksesibiliti yang mereka hadapi di tiga lokasi tersebut.

HALANGAN AKSESIBILITI DI KAWASAN TEMPAT TINGGAL

Berdasarkan maklum balas para peserta, tinjauan mendapati bahawa:

- Seramai 272 orang peserta (76.19%) memberitahu laluan pejalan kaki di kawasan tempat tinggal mereka sangat berbahaya untuk OKU penglihatan;
- Seramai 317 orang peserta (88.8%) memberitahu laluan pejalan kaki di kawasan tempat tinggal mereka tidak mempunyai laluan sesentuh (*tactile pavement*);
- Seramai 189 orang peserta (52.94%) memberitahu terdapat banyak objek yang diletakkan di atas laluan pejalan kaki di kawasan tempat tinggal mereka;
- Seramai 172 orang peserta (48.18%) memberitahu mereka pernah terjumpa kenderaan diparkir atas laluan sesentuh (*tactile pavement*) di kawasan tempat tinggal mereka;
- Seramai 291 orang peserta (81.51%) memberitahu tiada laluan yang selamat untuk OKU penglihatan yang ingin ke kedai runcit atau kedai makan di kawasan tempat tinggal mereka;
- Seramai 172 orang peserta (48.18%) memberitahu mereka sukar mendapatkan pengangkutan awam di kawasan tempat tinggal mereka.

Pernyataan	Sangat tidak setuju (%)	Tidak setuju (%)	Setuju (%)	Sangat setuju (%)	Tiada pendapat (%)
Laluan pejalan kaki di kawasan tempat tinggal saya sangat berbahaya untuk OKU penglihatan	8 (2.24%)	59 (16.53%)	197 (55.18%)	75 (21.01%)	18 (5.04%)
Laluan pejalan kaki di kawasan tempat tinggal saya tidak mempunyai laluan sesentuh (tactile pavement)	6 (1.68%)	20 (5.60%)	206 (57.71%)	111 (31.09%)	14 (3.92%)
Terdapat banyak objek yang diletakkan di atas laluan pejalan kaki di kawasan tempat tinggal saya	15 (4.20%)	115 (32.21%)	128 (35.86%)	61 (17.09%)	38 (10.64%)
Saya pernah terjumpa kenderaan diparkir atas laluan sesentuh (tactile pavement) di kawasan tempat tinggal saya	16 (4.48%)	98 (27.45%)	109 (30.53%)	63 (17.65%)	71 (19.89%)
Tiada laluan yang selamat untuk OKU penglihatan yang ingin ke kedai runcit atau kedai makan di kawasan tempat tinggal saya	7 (1.96%)	49 (13.73%)	206 (57.70%)	85 (23.81%)	10 (2.80%)
Saya susah mendapatkan pengangkutan awam di kawasan tempat tinggal saya	25 (7.00%)	70 (19.61%)	115 (32.21%)	130 (36.42%)	17 (4.76%)

Jadual 2.1: Halangan Aksesibiliti Di Kawasan Tempat Tinggal

HALANGAN AKSESIBILITI DI KAWASAN TEMPAT KERJA

Dalam kalangan 232 orang peserta yang bekerja, tinjauan mendapati bahawa:

- Seramai 141 orang peserta (60.78%) memberitahu laluan pejalan kaki di kawasan tempat kerja mereka sangat berbahaya untuk OKU penglihatan;
- Seramai 185 orang peserta (79.74%) memberitahu laluan pejalan kaki di kawasan tempat kerja mereka tidak mempunyai laluan sesentuh (*tactile pavement*);

- Seramai 117 orang peserta (50.43%) memberitahu terdapat banyak objek yang diletakkan di atas laluan pejalan kaki di kawasan tempat kerja mereka;
- Seramai 118 orang peserta (50.87%) memberitahu mereka pernah terjumpa kenderaan diparkir atas laluan sesentuh (*tactile pavement*) di kawasan tempat kerja mereka;
- Seramai 158 orang peserta (68.1%) memberitahu tiada laluan yang selamat untuk OKU penglihatan yang ingin ke kedai runcit atau kedai makan di kawasan tempat kerja mereka; dan,
- Seramai 133 orang peserta (57.33%) memberitahu mereka sukar mendapatkan pengangkutan awam di kawasan tempat kerja mereka.

Pernyataan	Sangat tidak setuju (%)	Tidak setuju (%)	Setuju (%)	Sangat setuju (%)	Tiada pendapat (%)
Laluan pejalan kaki di kawasan tempat kerja saya sangat berbahaya untuk OKU penglihatan	4 (1.72%)	62 (26.72%)	104 (44.83%)	37 (15.95%)	25 (10.78%)
Laluan pejalan kaki di kawasan tempat kerja saya tidak mempunyai laluan sesentuh (<i>tactile pavement</i>)	3 (1.29%)	27 (11.64%)	125 (53.88%)	60 (25.86%)	17 (7.33%)
Terdapat banyak objek yang diletakkan di atas laluan pejalan kaki di kawasan tempat kerja saya	7 (3.01%)	73 (31.47%)	82 (35.34%)	35 (15.09%)	35 (15.09%)
Saya pernah terjumpa kenderaan diparkir atas laluan sesentuh (<i>tactile pavement</i>) di kawasan tempat kerja saya	15 (6.46%)	52 (22.41%)	83 (35.78%)	35 (15.09%)	47 (20.26%)
Tiada laluan yang selamat untuk OKU penglihatan yang ingin ke kedai runcit atau kedai makan di kawasan tempat kerja saya	5 (2.16%)	52 (22.41%)	115 (49.57%)	43 (18.53%)	17 (7.33%)
Saya susah mendapatkan pengangkutan awam di kawasan tempat kerja saya	21 (9.05%)	65 (28.02%)	76 (32.76%)	57 (24.57%)	13 (5.60%)

Jadual 2.2: Halangan Aksesibiliti Di Kawasan Tempat Kerja

HALANGAN AKSESIBILITI DI KAWASAN SEKITAR BANGUNAN CAWANGAN/KAWASAN SBM

Lokasi terakhir yang menjadi tumpuan tinjauan ini adalah kawasan di sekitar Bangunan Cawangan/Kawasan SBM. Berdasarkan maklum balas yang telah dikumpulkan:

- Seramai 165 orang peserta (46.21%) memberitahu laluan pejalan kaki di kawasan bangunan SBM cawangan/kawasan mereka sangat berbahaya untuk OKU penglihatan;
- Seramai 283 orang peserta (79.28%) memberitahu laluan pejalan kaki di kawasan bangunan SBM cawangan/kawasan mereka tidak mempunyai laluan sesentuh (*tactile pavement*);
- Seramai 153 orang peserta (42.85%) memberitahu terdapat banyak objek yang diletakkan di atas laluan pejalan kaki di kawasan bangunan SBM cawangan/kawasan mereka;
- Hanya 133 orang peserta (37.25%) memberitahu mereka pernah terjumpa kenderaan diparkir atas laluan sesentuh (*tactile pavement*) di kawasan bangunan SBM cawangan/kawasan mereka;
- Seramai 236 orang peserta (66.11%) memberitahu tiada laluan yang selamat untuk OKU penglihatan yang ingin ke kedai runcit atau kedai makan di kawasan bangunan SBM cawangan/kawasan mereka; dan,
- Seramai 191 orang peserta (53.5%) memberitahu mereka sukar mendapatkan pengangkutan awam di kawasan bangunan SBM cawangan/kawasan mereka.

Pernyataan	Sangat tidak setuju (%)	Tidak setuju (%)	Setuju (%)	Sangat setuju (%)	Tiada pendapat (%)
Laluan pejalan kaki di kawasan bangunan SBM cawangan/kawasan saya sangat berbahaya untuk OKU penglihatan	16 (4.48%)	148 (41.47%)	126 (35.29%)	39 (10.92%)	28 (7.84%)
Laluan pejalan kaki di kawasan bangunan SBM cawangan/kawasan saya tidak mempunyai laluan sesentuh (tactile pavement)	21 (5.88%)	33 (9.24%)	226 (63.31%)	57 (15.97%)	20 (5.60%)
Terdapat banyak objek yang diletakkan di atas laluan pejalan kaki di kawasan bangunan SBM cawangan/kawasan saya	18 (5.04%)	137 (38.38%)	116 (32.49%)	37 (10.36%)	49 (13.73%)
Saya pernah terjumpa kenderaan diparkir atas laluan sesentuh (tactile pavement) di kawasan bangunan SBM cawangan/kawasan saya	22 (6.16%)	123 (34.46%)	107 (29.97%)	26 (7.28%)	79 (22.13%)
Tiada laluan yang selamat untuk OKU penglihatan yang ingin ke kedai runcit atau kedai makan di kawasan bangunan SBM cawangan/kawasan saya	15 (4.20%)	76 (21.29%)	194 (54.35%)	42 (11.76%)	30 (8.40%)
Saya susah mendapatkan pengangkutan awam di kawasan bangunan SBM cawangan/kawasan saya	26 (7.28%)	109 (30.54%)	91 (25.49%)	100 (28.01%)	31 (8.68%)

Jadual 2.3: Halangan Aksesibiliti Di Sekitar Bangunan Cawangan/Kawasan SBM

CADANGAN

Terdapat dua (2) strategi utama yang perlu SBM laksanakan, iaitu:

(a) **Aktiviti penyelidikan:** SBM perlu meneruskan usaha mengumpul data-data kritikal tentang jurang aksesibiliti dan pembangunan terangkum di Malaysia, seperti:

- Persepsi, keperluan dan aspirasi komuniti kurang upaya penglihatan berkaitan agenda bandar pintar;
- Persepsi, keperluan dan aspirasi komuniti kurang upaya penglihatan berkaitan perumahan boleh akses;
- Analisis perundangan, dasar dan prosedur perolehan untuk pembangunan kemudahan dan bangunan awam menurut perspektif aksesibiliti dan reka bentuk sejagat; dan,
- Persepsi, kapasiti dan aspirasi komuniti kurang upaya penglihatan dalam proses penyediaan aksesibiliti serta pembangunan terangkum.

(b) **Aktiviti advokasi:** SBM perlu menggerakkan langkah advokasi secara sistematik dan strategik berdasarkan data-data yang telah dikumpulkan di atas bagi menggesa agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, di samping pihak-pihak berkepentingan lain untuk merealisasikan agenda merapatkan jurang aksesibiliti dan pembangunan terangkum di Malaysia, termasuklah:

- Integrasi prinsip-prinsip aksesibiliti dan reka bentuk sejagat dalam dasar, sistem serta prosedur perolehan kerajaan;
- Memastikan agenda aksesibiliti dan pembangunan terangkum menjadi item tetap dalam setiap mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT);
- Perkongsian laporan pencapaian Pelan Tindakan Aksesibiliti Orang Kurang Upaya di Pihak Berkuasa Tempatan kepada khalayak umum;
- Pelantikan Wakil orang kurang upaya sebagai Ahli Majlis di setiap Pihak Berkuasa Tempatan; dan,
- Latihan dan pentauliahan orang kurang upaya pelbagai kategori sebagai juruaudit aksesibiliti di setiap negeri dan wilayah persekutuan.

Disediakan Oleh,

MUHAMAD NADHIR ABDUL NASIR

Pengerusi Jawatankuasa Utama Komunikasi, Advokasi & Hak Asasi,

Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi penyedia laporan

di anndh91@gmail.com atau +60177216512